



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

SINDIKET MENIPU ORANG RAMAI MENGGUNAKAN NAMA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN ANGGOTA LEMBAGA, LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengesan sindiket menipu orang ramai melalui sebaran e-mel palsu menggunakan nama Ketua Pegawai Eksekutif dan Anggota Lembaga LHDNM.

e-mel tersebut cuba meyakinkan orang ramai bahawa mereka mempunyai amaun cukai terlebih bayar yang perlu dipulangkan oleh LHDNM. e-mel palsu tersebut turut memaparkan logo-logo rasmi perbankan serta memberikan arahan kepada penerima e-mel agar mendedahkan butiran akaun bank mereka bagi membolehkan transaksi bayaran balik lebih cukai dibuat oleh LHDNM.

Harap maklum bahawa LHDNM tidak pernah menghantar e-mel sedemikian untuk meminta pembayar cukai mendedahkan nombor akaun bank mereka. Ini kerana maklumat akaun bank tersebut akan diperolehi melalui perisytiharan oleh pembayar cukai ketika mereka mengisi Borang Nyata Cukai Pendapatan pada setiap tahun. Selain itu, lebih bayaran balik cukai pendapatan yang berjaya diproses berdasarkan maklumat yang betul juga akan dikreditkan terus oleh LHDNM ke akaun bank pembayar cukai menerusi pembayaran secara *Electronic Fund Transfer (EFT)* atau menerusi Baucar

Bayaran Balik Cukai (BBBC) atau Cek Berpalang atau *Telegraphic Transfer* (untuk mereka yang mempunyai akaun di luar negara).

Sebelum arahan yang diterima melalui e-mel tersebut dituruti, orang ramai adalah dinasihatkan agar membuat semakan terlebih dahulu ketulenan e-mel berkenaan. Semakan mudah boleh dibuat melalui *domain* e-mel yang digunakan oleh pengirim e-mel yang tertera pada e-mel tersebut. Setiap e-mel rasmi daripada LHDNM akan menggunakan domain e-mel @hasil.gov.my. Orang ramai dilarang untuk mematuhi arahan dalam e-mel yang mengguna pakai domain selain daripada domain rasmi LHDNM. Contoh domain e-mel palsu adalah seperti berikut:

From: Sabin Bin Samitah <brian.gold@vanderbilt.edu>

Date: 31 October 2017 at 10:03:57 AM MYT

To: Undisclosed recipients;

Subject: Claim your tax refund

Domain e-mel PALSU

From: Mohd Irwan Serigar <katherine.a.gross@vanderbilt.edu>

To: @

Sent: Friday, 27 October 2017, 13:44

Subject: Tax Refund Review (You have a refund)

Domain e-mel PALSU

Tax Refund Review (You have a refund)

Che Pee Bin Samsudin <barbara.fitzgerald@vumc.org>

To @

Domain e-mel PALSU

Encik Fadzli Bin Abdul Wahit <joseph.m.gluff@vanderbilt.edu>

To @

Domain e-mel PALSU

Nota: Nama Pengirim e-mel dan domain e-mel juga berbeza.

Selain itu orang ramai juga boleh membuat pengesahan dengan LHDNM terlebih dahulu jika menerima sebarang e-mel yang meragukan berkaitan dengan LHDNM. Pengesahan boleh dibuat melalui talian Hasil Careline di 1-800-88-5436 atau nombor talian Cawangan LHDNM yang terdapat pada portal rasmi www.hasil.gov.my.

LHDNM sentiasa memantau sindiket penipuan ini dan akan memberikan peringatan kepada orang ramai dari semasa ke semasa. LHDNM juga berharap orang ramai yang sudah terpedaya dengan sindiket penipuan ini agar membuat laporan kepada pihak berkuasa untuk disiasat dan diambil tindakan sewajarnya.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 6 November 2017

Sampel e-mel dan dokumen palsu (scam):

From: Sabin Bin Samitah <brian.gold@vanderbilt.edu>
Date: 31 October 2017 at 10:03:57 AM MYT
To: Undisclosed recipients;
Subject: Claim your tax refund

View attached file



LHDN201 .docx

← Reply ← Reply to All → Forward

LHDN20173110.docx 1 / 1

PALSU & BUKAN DARIPADA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



Our records show that you have an overdue tax refund. Kindly click on the link below and follow the instructions to receive your refund.

[Proceed](#)

Thank you
Lembaga Hasil Dalam Negeri.






After a review of your previous tax year payments, we are determined that you are eligible to receive a tax refund due to over payments in tax

In order to claim your tax refund, kindly select your bank below and follow the instructions

Selepas semakan semula pembayaran tahun cukai anda yang lalu, kami ditentukan bahawa anda layak menerima cukai bayaran balik disebabkan lebih daripada pembayaran cukai

Untuk menuntut bayaran balik cukai anda, sila pilih bank anda di bawah dan ikuti arahan



Thank you.
Lembaga Hasil Dalam Negeri.

PALSU & BUKAN DARIPADA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

From: Mohd Irwan Serigar <katherine.a.gross@vanderbilt.edu>

To: @

Sent: Friday, 27 October 2017, 13:44

Subject: Tax Refund Review (You have a refund)

Our records shows that you have an overdue tax refund

View attached file

PALU & BUKAN DARIPADA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tax Refund Review (You have a refund)

Che Pee Bin Samsudin <barbara.fitzgerald@vumc.org>

To @

Our records shows that you have an overdue

View attached file

PALU & BUKAN DARIPADA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Encik Fadzli Bin Abdul Wahit <joseph.m.gluff@vanderbilt.edu>

To @

View attached file